

# 'Saya sedia jawab isu AP'

UM 19 JUL 2005

Oleh HABIBAH OMAR

**K**UALA LUMPUR 18 Julai \_ Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz bersedia menerangkan isu permit import (AP) kereta sekiranya perkara itu dibangkitkan pada Perhimpunan Agung UMNO Khamis ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, penjelasan itu akan berkisar mengenai proses pemberian AP selain menyediakan fakta sebenar yang berkaitan.

"Kalau ada yang bangkitkan tentang AP dalam Perhimpunan Agung UMNO ini, saya akan terangkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Isu mengenai AP 'panas' apabila ia melibatkan beberapa kenyataan terbuka antara beliau dengan bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton Holdings Berhad, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ia bermula dengan rasa tidak puas hati Dr. Mahathir berikutan 'kebanjiran' kereta import yang dilihat menjejaskan industri automotif tempatan dan mengaitkan situasi itu dengan pengeluaran AP yang banyak.

## Menjelaskan

Bagaimanapun Rafidah selaku menteri yang berkenaan menolak dakwaan tersebut sambil menjelaskan keadaan sebenar.

Namun isu tersebut tidak berakhir di situ kerana selepas itu Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff mengkritik dasar kerajaan secara terbuka dalam sebuah akhbar berbahasa Cina.

Kabinet kemudiannya campur tangan dengan mengarahkan supaya Rafidah membuat penjelasan secara bertulis kepada Dr. Mahathir.

Rafidah yang baru memulakan tugas setelah bercuti bagaimanapun tidak mengetahui sama

ada isu AP akan dibangkitkan oleh mana-mana perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO nanti.

"Saya tidak tahu kalau ada yang nak tanya mengenainya, kerana saya tidak boleh membaca fikiran mereka," katanya.

Dalam satu majlis lain, Rafidah berkata, isu AP telah selesai berikutan penjelasan panjang lebar mengenai 10 perkara di dalam sepucuk surat yang dihantarnya kepada Dr. Mahathir minggu lalu.

Penjelasan itu, katanya meliputi isu berkaitan AP, 40 peratus kandungan tempatan untuk layak menjadi produk nasional di bawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan dakwaan bahawa Naza Ria diberi layanan sebagai kereta nasional.

Rafidah berkata, beliau perlu memberi penjelasan dalam surat itu kerana Dr. Mahathir telah menyatakan beberapa perkara menerusi media mengenai perannya serta kementeriannya.

"Saya telah menerangkan kepada Kabinet keadaan sebenar kerana ada yang disebut oleh Tun itu tidak benar atau tidak tepat, mungkin Tun terlupa agaknya.

"Kalau yang dikatakan itu tidak betul, saya terangkan mengapa tidak betul, kerana kita ada bukti dan juga minit mesyuarat Kabinet.

"Bagi saya kes itu selesai kerana saya telah terangkan dengan habis, jelas serta terperinci dan saya juga memberitahu Tun, sekiranya ada lagi yang nak ditanya, maka silakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan perasmian Program Suaikenal Untuk Mempromosikan Agensi Pelaburan Rasmi, di sini hari ini.

Tanpa mendedahkan lebih lanjut mengenai kandungan surat tersebut, Rafidah berkata, sebagai menghormati Dr. Mahathir, maka kandungan itu tidak perlu diterangkan kepada umum.

"Jadi saya berharap dengan penjelasan itu, tak timbul lagi perkara berkaitan AP. Tapi yang jelas saya tak nak orang ramai menganggap apa yang Tun kata itu betul, maka nampak sangat buruk saya. jadi saya perlu terangkan kepada beliau (Dr. Mahathir)," katanya.

Salinan surat itu, kata beliau turut diserahkan kepada Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kini, katanya terpulang kepada Dr. Mahathir untuk menentukannya kerana baginya lebih baik perkara itu ditutup sahaja.

Ketika ditanya sama ada Tun telah membalas surat tersebut, Rafidah berkata beliau masih belum menerimanya.